

# Usaha menjenayahkan kelakuan tak bermoral

## Krisis sosial sukar dibendung selagi hak peribadi jadi alasan

**M**ASYARAKAT Malaysia rata-rata tanya menyedari bahawa kita sedang berdepan dengan pelbagai masalah sosial yang serius, terutama perkara berkaitan seksual. Hakikatnya gejala sosial ini bukan saja membabitkan remaja, tetapi juga mereka yang sudah melepas usia matang. Lantaran itu banyak cadangan dikehukumkan bagi menangani gejala sosial ini. Setakat ini, cadangan bagi menangani gejala sosial ini tidak begitu ketara pemakaianya dan keberkesannya agak jauh untuk dilihat, malah semakin hari semakin banyak masalah yang berlaku dan disiaran.

Dalam ruangan ini saya cuma ingin membuat sedikit ulasan mengenai cadangan supaya penguatkuasaan undang-undang berkaitan gejala sosial ini dijalankan secara lebih serius dan berkesan. Tujuan tulisan ini ialah untuk menonjolkan antara sikap kita ahli masyarakat dalam melihat isu begini, walaupun pada pandangan saya, cadangan penguatkuasaan undang-undang ini boleh membantu untuk membendung gejala sosial di dalam masyarakat kita.

Saya tidak menganggap penguatkuasaan undang-undang sebagai satu-satunya cara atau mekanisme dalam menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi masyarakat kita. Gabungan secara holistik atau menyeluruh antara undang-undang dan mekanisme lain, seperti pendidikan, sama ada pendidikan agama atau pendidikan moral dan peranan ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya amat berguna untuk menangani masalah sosial.

Dalam aspek perundangan pelbagai undang-undang sudah lama berada di dalam masyarakat, terutama undang-undang berkaitan jenayah, contohnya kesalahan menjual atau menyebarkan bahan lucu. Namun, pelbagai jenis bahan seperti ini mudah didapati dalam pasaran, sama ada secara terbuka atau secara tertutup.

Sebenarnya, bahan ini secara tidak sedar sudah dibawa ke dalam rumah secara rela, sama ada menerusi internet, siaran daripada stesen televisyen atau cakera padat dan sebagainya. Walaupun ada yang beranggapan bahan semuanya bahan lucu ini tidak menyumbang kepada masalah sosial, saya berpendapat, bahan seperti ini tidak seharusnya berada dekat dengan kita secaranya berleluasa.

Secara praktikalnya, penguatkuasaan undang-undang jenayah yang membabitkan persoalan seperti ini memerlukan kerjasama semua pihak serta kesungguhan politik. Kebanyakan hal berkaitan gejala sosial ini bermula dalam keadaan tertutup dan ia dianggap sebagai hak peribadi oleh pihak yang mendukung prinsip liberal hak asasi. Umpamanya pasangan bercinta yang berkelakuan tidak sopan dianggap sebagai hak peribadi yang tidak boleh disekat undang-undang atau penguasa. Mereka yang memiliki bahan lucu, sama ada yang dimuat turun daripada internet atau yang dibuat sen-

diri, menganggap apa yang dimiliki mereka adalah hak peribadi dan ia dianggap sesuatu yang perlu dipertahankan oleh hak asasi dalam bentuk hak persendirian. Tidak ada sesiapun yang harus menyekat hak asasi mereka.

Memberikan kuasa undang-undang kepada polis atau pihak berkuasa yang lain untuk menyekat dan menggeledah mungkin menjadi isu pokok yang akan dijadikan bahan hujah pendukung hak asasi liberal. Dalam keadaan ini, pihak pejuang hak asasi ini menganggap penguatkuasaan undang-undang seperti ini adalah satu pencabulan ke atas hak asasi individu berkenaan.

Ada juga penyokong hak asasi ini menganggap undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang seperti ini tidak akan dapat memastikan seorang itu bermoral, 'the law cannot make men moral'. Satu ketika dulu, apabila pasangan kekasih yang berkelakuan tidak sopan di tempat awam disaman dan dibicarakan di mahkamah, ramai pejuang hak asasi yang mempertahankan hak pasangan ini dan kes berkenaan mendapat liputan meluas, malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

Penyokong hak asasi ini menganggap setiap individu itu harus mempunyai kebebasan berbuat apa saja kerana pada anggapan mereka, apa yang moral dan apa yang tidak bermoral itu terlalu subjektif dan undang-undang tidak harus menyekat hak peribadi mereka.

Prinsip menuju ruang daripada berlaku perlakuan yang lebih serius boleh diterima pakai dalam menangani gejala sosial ini. Prinsip ini sudah diterima dalam pelbagai keadaan. Ia amat dekat dengan konsep 'mencegah lebih baik daripada mengubati'.

Pihak yang mendukung hak asasi liberal ini juga menjadikan undang-undang jenayah syariah yang menghukum mereka yang berkelakuan tidak bermoral sebagai sasaran. Ada banyak hujah yang secara terang-terangan menolak undang-undang jenayah berbentuk mengekang gejala sosial. Contohnya perlakuan tidak sopan, berpakaian tidak sopan, khalwat, bersekedudukan tanpa nikah dan sebagainya.

Golongan ini agak bercelaru fikiran dan kehendak mereka. Ada ketika mereka mahukan hak persendirian tanpa diganggu-gugat oleh penguatkuasaan undang-undang, namun pada masa sama, mereka mahukan keadaan masyarakat yang stabil dan bebas daripada gejala sosial yang membimbangkan semua pihak.

Amat jelas, dalam banyak keadaan, kedua-dua ini, kebebasan peribadi serta hak bersendirian dan keadaan sosial yang tenteram, tidak dapat wujud bersama-sama pada masa sama. Segala apa yang dianggap sebagai hak kebebasan peribadi atau hak untuk persendirian dalam konteks ini, pada hakikatnya bukanlah 'peribadi'. Kesan daripada perbuatan yang dilakukan secara peribadi itu akan mendatangkan musibah ke atas mereka yang lain serta keadaan persekitarannya dan seterusnya menjadi masalah kepada khalayak awam. Lihat saja kes buang bayi dan kes berita keruntuhan moral yang berleluasa sekarang ini.

Pada pandangan saya, prinsip menutup ruang daripada berlaku perlakuan yang lebih serius boleh diterima pakai dalam menangani gejala sosial ini. Prinsip ini sudah diterima dalam pelbagai keadaan. Ia amat dekat dengan konsep 'mencegah lebih baik daripada mengubati'.

Dari sini saya menegaskan, menjenayahkan perbuatan yang bertentangan dengan moral yang diterima oleh masyarakat dan penguatkuasannya adalah antara mekanisme yang berkesan. Menegakkan hak asasi liberal dalam keadaan ini tidak dapat membantu masyarakat Malaysia menangani masalah sosial yang sedang dihadapi sekarang, malah akan lebih memburukkan keadaan.

Penulis ialah pensyarah Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

### Cakap-cakap

**T**IMBALAN Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin sekali lagi mengulangi kata-katanya yang Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai pengkhianat bangsa. Pendek kata, beliau sanggup melakukan apa saja termasuk berpaktat dengan orang asing dan membuat janji yang bukan-bukan, asalkan cita-cita politiknya tercapai.

Mamat – rakyat tak boleh ditipu selama-lamanya



Mamat